

Kearifan Setempat dan Pengayaan Kepustakaan

Haji Abdul Adzis bin Abas
Ketua Pengarah Dewan Bahasa dan Pustaka
Malaysia
(Kertas Kerja Utama)

Abstrak

Kertas ini cuba menunjukkan bahawa kearifan setempat bukan sekadar mengandungi citra atau jati diri bangsa, tetapi juga menentukan kelangsungan (*survival*) satu-satu masyarakat dalam menghadapi perubahan perkara yang tidak menentu. Dalam konteks masyarakat Melayu, kearifan setempat terhasil daripada keseimbangan ekologi dan terakam sejak dalam sastera lisan lagi. Akur dengan minat mendalam para sarjana tempatan untuk menyelongkar dan mengkaji kearifan setempat, pada masa yang sama juga, mengingatkan beberapa bidang agak ketinggalan. Kertas ini menekankan bahawa apa-apa sahaja usaha yang dilakukan terhadap kearifan setempat, usaha itu hendaklah menjurus kepada pengayaan kepustakaan. Oleh sebab rantau kita ini kaya dengan kearifan setempat, disarankan MABBIM turut sama memikirkan program penyelidikan bersama, dengan mengenal pasti bidang yang sesuai dengan peranannya.

Pendahuluan

Pada tahun 2005, Jared Diamond menghasilkan buku yang kemudiannya dirujuk dan diperkatakan dengan meluas, *Collapse: How Societies Choose to Fail or Survive*. Menurut beliau, masyarakat zaman lampau runtuh kerana mereka tidak mempunyai ahli arkeologi dan televisyen. Justeru, mereka tidak mengetahui apa yang terjadi pada masyarakat terdahulu atau masyarakat di tempat lain yang sezaman dengan mereka yang sedang mengalami nasib yang sama. Sekarang, dengan adanya radio, televisyen, akhbar, kita dengan mudah mengetahui apa yang berlaku di tempat lain dalam sekelip mata. Dokumentari televisyen dan buku-buku menunjukkan kepada kita dalam bentuk grafik yang terperinci mengapa penduduk Pulau Ester, Maya Klasik, dan masyarakat lain pada masa lalu runtuh. Oleh itu, kita mempunyai peluang untuk belajar daripada kesilapan orang yang tinggal jauh daripada kita dan orang yang terdahulu daripada kita.

Namun begitu, kebenaran kata-kata Jared Diamond, pastinya dapat dipertikaikan dengan merujuk tsunami yang melanda rantau ini pada Disember 2004. Malapetaka itu berlaku pada zaman teknologi canggih, dengan Internet dan kehadiran berita kabel, seperti CNN, BBC, al-Jazeera, Bloomberg, dan banyak lagi, yang gagal memberikan amaran kemungkinan tsunami melanda. Ahli sains, ahli geologi, dan ahli geografi

tempatan dan antarabangsa, pusat sains dan pusat pemantauan bencana alam yang wujud di serata dunia juga gagal untuk mengingatkan bahawa dengan pusat gempa magnitud 9.0 – suatu skala yang amat besar, selalunya disusuli dengan tsunami.

Sementara masyarakat yang hidup dalam ledakan maklumat menanggung korban besar, iaitu beratus-ratus ribu orang terbunuh dan hilang, satu masyarakat yang hidup terpencil dari dunia luar dan jauh sekali daripada diglobalisasikan, didapati terselamat. Gipsi laut, iaitu orang laut Moken yang tinggal di Laut Andaman mendapat perhatian berita dan liputan berita kabel *CBS News* kerana keakraban mereka dengan laut menyelamatkan mereka. Mereka lahir di laut, hidup di laut, mati di laut. Mereka tahu riak dan gerak laut lebih baik daripada mana-mana ahli biologi marin. Mereka orang laut, yang secara kerap bergerak dari sebuah pulau ke sebuah pulau, tinggal lebih enam bulan dalam setahun di dalam bot mereka. Orang Moken tinggal selama beratus-ratus tahun di pulau-pulau di pesisir pantai Thailand dan Myanmar. Daripada semua orang di dunia, mereka adalah dalam kalangan kurang disentuh oleh peradaban moden.

Dalam program “Sea Gypsies Saw Signs in the Waves,” *CBS News* memetik Dr. Narumon Hinshiranan, ahli antropologi, dan seorang daripada beberapa orang pakar yang bertutur dalam bahasa Moken, bagaimana mereka tahu tsunami datang. “Air surut sangat cepat dan satu demi satu gelombang kecil datang, maka mereka mengenal pasti bahawa ini bukan biasa. Dan mereka mempunyai jenis legenda yang diturunkan dari satu generasi ke satu generasi tentang tujuh gelombang.”

Kes orang laut Moken sebenarnya, menjawab persoalan yang diperkatakan dalam judul kecil buku Jared Diamond: “How Societies Survive.” Mereka selamat kerana mereka mengamalkan kearifan setempat (*local wisdom*) warisan leluhur mereka. Oleh sebab mereka tidak mempunyai sumber lain untuk dirujuk dan tempat lain untuk berlindung, maka untuk hidup mereka terpaksa bergantung pada kearifan setempat yang diwariskan kepada mereka sejak zaman berzaman, daripada satu generasi kepada satu generasi. Berbanding dengan masyarakat di 17 buah negara ditumpaskan oleh “dendam alam sekitar,” orang laut Moken mampu hidup dengan hanya berbekalkan kearifan setempat.

Selepas tragedi tsunami itu dan perubahan cuaca, beberapa buah negara di rantau ini, memanfaatkan kearifan setempat untuk mengurus alam sekitar. Bahkan, sebaik-baik selepas tragedi itu berlaku, ada pendapat yang mengatakan bahawa sekiranya pokok-pokok bakau tumbuh di tepi pantai, maka impak pukulan ombak besar dapat dikurangkan. Penanaman pokok bakau sebenarnya boleh dianggap kearifan setempat yang pernah diamalkan untuk menahan ombak dan hakisan pantai, tetapi malangnya, *kelakuan tidak rasional* manusia memusnahkan kearifan setempat.

Kalau bakau dengan pantai, buluh pula dengan sungai, maka lahir perumpamaan, “ibarat aur dengan tebing” – menandakan tebing dan buluh saling memerlukan antara satu sama lain, yang turut memberikan manfaat kepada manusia juga, iaitu tindakan

proaktif mengawal tebing sungai daripada terhakis. Namun begitu, *kelakuan tidak rasional* manusia turut memusnahkan kearifan setempat.

Setiap kali berlaku bencana alam, seperti gempa bumi dan banjir besar di Nusantara, maka kita diberitahu bahawa ada golongan yang terselamat, dan ada yang menjadi mangsa. Yang selamat selalunya dikaitkan dengan pemanfaatan kearifan setempat, manakala yang menjadi mangsa kerana mereka tidak mematuhi atau telah melupakan kearifan setempat leluhur mereka. Lazimnya, selepas ditimpa musibah, kita akan diberitahu bahawa beberapa hari sebelum kejadian berlaku, alamat buruk sudah kelihatan, tetapi ada yang mengambil sikap acuh tidak acuh.

Masyarakat di rantau ini kaya dengan kearifan setempat, yang menurut takrif yang lazim, ialah “ilmu pengetahuan yang ditemui atau diperoleh oleh orang tempatan menerusi pengumpulan pengalaman dalam percubaan dan diintegrasikan dengan pemahaman alam sekeliling dan budaya.” Kearifan setempat dalam masyarakat Melayu dapat dikesan dalam lisan dan tulisan, prosa dan puisi, juga dalam reka bentuk dan reka cipta; sesetengahnya dapat diselamatkan, tetapi ada yang pupus ditelan zaman; ada yang masih diamalkan, tetapi kebanyakannya dilupakan atau dipinggirkan akibat arus pemodenan.

Dalam tradisi lisan terpancar kearifan setempat cendekiawan Melayu tentang pembinaan budaya dan peradaban, pembentukan jati diri, ilmu perubatan, dan sebagainya. Sementara itu, di Filipina pada penghujung abad ke-19, wujud usaha untuk menjelaskan *folk-lore* sebagai sains baharu. *Folk-lore* diterjemahkan secara bijak sebagai *el saber popular* yang bermaksud dalam pengertian sekarang, “ilmu pengetahuan tempatan” (“local knowledge”). *Saber* ini dikatakan ilmu pengetahuan sebenar dan bukannya “lore.”

Sejak beberapa tahun kebelakangan ini, para sarjana di Malaysia mula menunjukkan minat mereka terhadap kearifan setempat dengan mengadakan seminar atau persidangan, menjalankan penyelidikan, dan menghasilkan penulisan. Hasil usaha mereka itu, maka kita dapat menemukan kearifan setempat, antaranya dalam bidang bahasa, sastera, manuskrip lama, seni, dan teknologi. Mereka juga cuba mengenal pasti amalan kearifan setempat dalam kalangan masyarakat Nusantara, dan tidak ketinggalan kearifan setempat di Malaysia.

Jika kita melayari Internet untuk mencari kearifan setempat atau *local wisdom*, maka kita dapat menemuinya dengan mudah, termasuk kearifan setempat yang berkaitan dengan fesyen dan pakaian, pengurusan alam sekitar, pembangunan komuniti, pembelajaran sepanjang hayat, pengurusan pembelajaran, kesihatan, dan pemakanan.

Memang tidak dapat dinafikan banyak manfaat yang dapat diperoleh daripada kearifan setempat, bukan sahaja dari segi ilmu, warisan budaya, pemuliharaan alam sekitar, dan sebagainya, tetapi juga sebagai pengajaran untuk kita menjalani hidup seharian. Satu contoh, peribahasa: “Kalau takut dilambung ombak jangan berumah di tepi pantai” yang memberikan pengertian bahawa dalam hidup ini kita mesti berani –

berani menerima cabaran dan menghadapi ancaman. Untuk berjaya, terutamanya dalam bidang perniagaan dan politik, kita perlu berani mengambil risiko, atau disebut dalam bahasa Inggeris, “no risk, no gains.”

Untuk hidup atau untuk berjaya, kita perlu bersaing, maka lahirlah “ibarat enau dalam belukar, melepaskan pucuk masing-masing.” “Enau dalam belukar” itu boleh disamakan dengan *survival of the fittest* yang diperkenalkan oleh Herbert Spencer yang cuba menjelaskan teori Charles Darwin tentang pemilihan semula jadi spesies yang hidup: “siapa kuat dia menang.” Atau dalam istilah politik, disebut “Machievallian,” iaitu “matlamat menghalalkan cara.” Justeru, orang Melayu bukan setakat diajar bermuafakat, tetapi mereka juga digalakkan bersaing dan bersifat licik.

Saya mengemukakan dua contoh di atas kerana dakwaan para Orientalis Barat dan sekali-sekala dilontar oleh sebilangan cerdik pandai tempatan, bahawa orang Melayu mundur adalah berpunca daripada faktor sosiobudaya mereka, seperti yang dapat dilihat pada pepatah-petitih; sedangkan, wujud sekian banyak pepatah-petitih yang mengajar orang Melayu supaya berani mengambil risiko dan berani bersaing. Mungkin secara kebetulan, dua contoh itu sedikit banyak mempunyai persamaan ungkapan terkenal dalam bahasa Inggeris.

Kearifan setempat dapat dilihat dalam pelbagai bidang, seperti politik, pentadbiran, ketatanegaraan, pembentukan negara (*state formation*), undang-undang, peperangan, perubatan, perdagangan, perkapalan, pelayaran, sains, teknologi, pembinaan, dan pengukuran. Sesetengahnya, seperti politik, ketatanegaraan, undang-undang (kanun), dan perubatan telah dikaji dengan mendalam, manakala sesetengahnya, seperti pembentukan negara, peperangan yang setaraf dengan pemikiran Sun Tzu dalam karyanya, *Seni Peperangan* atau pemikiran Karl von Clausewitz dalam karyanya, *On War*, sains, dan teknologi, banyak lagi yang perlu dilakukan. Saya dimaklumkan bahawa ada usaha dilakukan untuk mengkaji kearifan setempat untuk sains dan teknologi, meskipun usaha ini agak sukar kerana sains dan teknologi pernah dianggap terasing daripada senarai bidang manuskrip Melayu.

Di sini, saya tidak bertujuan menyebut senarai panjang tentang kearifan setempat dan manfaatnya satu demi satu, kerana perkara ini sudah banyak dibicarakan atau diperkatakan. Sebaliknya, saya lebih berminat menyatakan perancangan kami di DBP, yang lebih menjurus ke arah pengayaan kepustakaan. Hal ini demikian kerana jika kita dengan bangga menyebut khazanah peninggalan nenek moyang kita, mungkin ada orang bertanya: Di mana? Tanpa pengayaan kepustakaan, pastinya sukar untuk kita untuk menjawabnya. Akibatnya, mungkin ada orang akan menuduh “sekadar gambar-gembur” di dewan seminar atau persidangan.

Dari segi memanfaatkan kearifan setempat, Dewan Bahasa dan Pustaka, tidak ketinggalan, bahkan boleh dikatakan jauh ke hadapan. Hasil usaha kami untuk memanfaatkan kearifan setempat daripada sumber sastera tradisional, sastera klasik,

dan juga bahasa dapat dilihat dalam buku yang diterbitkan, baik dalam bentuk prosa mahupun puisi, istilah, glosari, kamus, ensiklopedia, dan buku ilmiah.

Tidak ketinggalan dari segi penamaan tempat awam, bangunan dan syarikat, kami juga memanfaatkan kearifan tempatan dengan menggalakkan penggunaan nama berasaskan budaya tempatan. Untuk memudahkan orang ramai, terutamanya pihak berkuasa tempatan dan pemaju, kami menyediakan buku *Garis Panduan Menamai Syarikat, Bangunan, Kawasan Perumahan, Tempat Awam dan Jalan* yang disertai dengan senarai nama-nama terpilih yang dapat dimanfaatkan untuk mencipta nama yang indah dan sesuai untuk membina jati diri dan citra negara melalui nama.

Boleh dikatakan, pembabitan DBP dalam memanfaatkan kearifan setempat adalah tertumpu pada penyelidikan dan penerbitan, termasuk melalui dalam talian, kerana dengan usaha ini, kami dapat memperkaya kepustakaan. Antara usaha terkini ialah Gerbang Borneo (e-Borneo) iaitu sebuah portal yang mengumpulkan khazanah kearifan tempatan Borneo. Dalam rancangan tahunan dan jangka panjang, DBP terus memberikan tumpuan kepada penyelidikan dan penerbitan tentang kearifan setempat. Kami sedar bahawa usaha ini perlu dilakukan secara berterusan. Kerja penyelidikan pula memerlukan kedua-duanya, iaitu kajian kepustakaan dan kerja lapangan.

Untuk merealisasikan usaha murni ini, DBP bukan sahaja sanggup menyediakan peruntukan penyelidikan, dan bahkan DBP sedia bekerjasama dengan negara anggota MABBIM. Mungkin sudah sampai masanya negara anggota memikirkan dan seterusnya merancang penyelidikan tentang kearifan setempat merentas negara. Mungkin sudah sampai masanya kita perlu memikirkan dan melaksanakan penyelidikan kearifan setempat yang lebih besar yang melibatkan semua negara anggota MABBIM bukan lagi bergerak sendiri-sendiri.

Akhir kata, saya ingin tegaskan sekali lagi bahawa apa-apa jua usaha yang kita lakukan, akhirnya mesti dibuktikan hasilnya. Demikian juga usaha untuk memanfaatkan kearifan setempat, tidak dapat tidak, ialah hasil yang dapat memperkaya kepustakaan untuk dijadikan rujukan orang ramai.